



Dr. Yaakob diiktiraf Saintis Halal



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menyampaikan anugerah World Halal Research Summit 2009 kepada Dr. Yaakob sempena Mihalas 2009 di Kuala Lumpur baru-baru ini.

SERDANG, 11 Mei – Pengarah Institut Penyelidikan Halal Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Yaakob Bin Che Man telah diiktiraf sebagai saintis pertama yang menerima Anugerah Saintis Halal di "World Halal Research Summit 2009" baru-baru ini.

Dr. Yaakob berkata pengiktirafan itu berdasarkan kepelbagaian kajian dan penyelidikan yang dijalankan bagi mengesan produk yang mengandungi kehadiran sumber haram pada produk makanan, kosmetik dan farmasateukal yang dilarang penggunaannya dalam syaria Islam.

"Kajian dan penyelidikan saya adalah berdasarkan isu semasa yang seringkali menjadi tumpuan saintis bagi menyelesaikan masalah berkaitan dan usaha ini telah dijalankan sejak 10 tahun lalu bagi membangunkan industri halal.

"Ianya juga adalah sebagai kaedah bagi memastikan semua kandungan dalam pelbagai produk dijamin kesuciannya sekali gus kita mempunyai pensijilan halal yang boleh dipercayai di seluruh dunia," katanya ketika ditemui.

Dr. Yaakob berkata projek penyelidikan semasa di Institut Penyelidikan Produk Halal melibatkan kajian analisis makanan yang mengandungi gelatin, lemak dan daging babi dan alkohol yang terkandung dalam makanan.

Melalui kaedah Real-Time PCR (*Polymerase Chain Reaction*) bagi pengesanan DNA babi, kumpulan penyelidikannya turut berjaya memenangi Anugerah Harta Intelek Negara 2009 (AHIN09) dan juga Anugerah Eureka di Brussel, Belgium baru-baru ini.

Katanya pelbagai kemudahan canggih digunakan bagi mengesan kehadiran sumber haram tersebut antaranya ialah *4 Dimensional Gas Chromatography Time of Flight Mass Spectrometer (4D GC-TOF-MS)*, *Fourier Transform Infrared Spectrometer (FTIR)*, *High Performance Liquid Chromatography (HPLC)*, *Gas Chromatography Flow Ion Detector (GC-FID)*, *Electronic Nose (E-Nose)*, *Differential Scanning Calorimeter (DSC)*, mesin PCR konvensional dan *Real Time* serta *Microplate Reader*.

Beliau berkata semua kemudahan tersebut membantu penyelidik menambahkan ilmu pengetahuan mereka di dalam menguasai pengendalian instrumentasi dan teknik analitikal.

Dr. Yaakob berkata fokus utama ialah memastikan negara mempunyai sistem dan standard halal yang terbaik di dunia di samping memperjuangkan isu tersebut.

Pengiktirafan beliau telah disampaikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak di Pusat Pameran dan Konvensyen Matrade sempena Pameran Antarabangsa Halal Malaysia (MIHAS) 2009 dan *World Halal Research Summit 2009* kelmari.



Dr. Yaakob (tengah) merupakan saintis pertama di Malaysia yang berjaya menerima anugerah World Halal Research Summit 2009.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.